

# **PERBARISAN PEGAWAI MEMERINTAH SKN 340 TUDM**



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2872-perbarisan-pegawai-memerintah-skn-340-tudm-3](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2872-perbarisan-pegawai-memerintah-skn-340-tudm-3)

BUKIT KUBONG, 10 Jan 18 – Perbarisan Pegawai Memerintah Skn 340 telah dilaksanakan di Padang Kawad Tadbir Skn 340. Selepas melakukan pemeriksaan barisan, Pegawai Memerintah Skn 340 TUDM Bukit Kubong, Lt Kol Zainal Abidin bin Yahia@Yahaya TUDM mengucapkan selamat Tahun Baru 2018 kepada seluruh warga Skn 340.

Di dalam ucapannya, beliau menegaskan kepada seluruh warga skn agar menghindari penyalahgunaan dadah, buli/ragging, ajaran sesat, penyebaran maklumat palsu serta berdarjah dan juga disiplin dalam kalangan anggota TUDM. Beliau sesekali tidak akan berkompromi mahupun bertolak ansur terhadap mana-mana anggota yang melanggar arahan serta terlibat dengan apa-apa perkara yang boleh merosakkan nama baik perkhidmatan. Beliau turut mengarahkan seluruh Warga Skn agar terus bekerja dengan gigih dalam menghadapi cabaran tahun baru dan terus komited dengan tugas yang telah diamanahkan.

Perbarisan yang terdiri daripada 28 Anggota Lain-lain Pangkat dan dua orang pegawai telah diketuai oleh Mej Mohd Haziq Izzat bin Sulaiman TUDM, Ajutan Perbarisan ialah Kapt Norhamiza binti Jusoh TUDM manakala Pegawai Waran Perbarisan, PW U II Mohamad Asraf bin Zakaria. Perbarisan ini telah berjalan dengan lancar.

